

10 DEC, 2021

Program My Rakyat FAMA Bantu petani pasarkan hasil

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2



VALENTINE NGUMBANG

SEBELUM Sarawak beralih ke Fasa 3 Pelan Pemuliharan Negara (PPN) pada awal Ogos lepas, golongan petani yang boleh dikatakan antara golongan yang paling terjejas teruk disebabkan oleh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum itu.

Ini kerana penguatkuasaan PKP menyebabkan para petani sukar menjual hasil tani masing-masing sehingga menyebab berlaku lambakan dan seterusnya mengugut mata pencarian mereka sekeluarga.

Bagaimanapun mujurlah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) berjaya menemui beberapa jalan penyelesaian bagi mengakhiri belenggu lambakan hasil tani ketika arahan berkenaan dikuatkuasakan.

Antara jalan penyelesaian yang diambil oleh pihak FAMA berhubung isu berkenaan termasuklah dengan menganjur aktiviti Pasar Tani dan Program My Rakyat di-

Program My Rakyat FAMA Bantu petani pasarkan hasil

lokasi-lokasi terpilih dalam negeri ini.

"FAMA mempunyai sumber untuk membantu mereka memasarkan hasil tani seperti mengadakan aktiviti Pasar Tani dan Program My Rakyat di lokasi-lokasi terpilih dalam negeri ini.

"Selain menyediakan sumber ini pihak kami juga turut pergi ke ladang-ladang petani untuk mengambil dan membantu memasar hasil tani mereka seperti yang diarah oleh kementerian," kata Penolong Pengarah FAMA Sarawak, Lois Unggah.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada Majlis Pelancaran Program My Rakyat anjuran FAMA yang berlangsung di Riveria Sport Centre dalam kawasan Debak, Betong pada April lepas.



MARI PILIH... Seorang peniaga menjual pelbagai jenis sayur dan buah pada Majlis Pelancaran Program My Rakyat di Riveria Sport Centre, Debak, awal tahun ini.

FAMA menurut beliau juga masih terus mengendalikan operasi Pasar Tani walaupun sepanjang tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ketika itu.

"Namun begitu operasi Pasar Tani berkenaan bergantung sepenuhnya kepada situasi semasa penularan pandemik Covid-19 dan arahan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) ketika itu.

Lois ketika ditemui buat ketika itu turut meambah bahawa tiada masalah lambakan hasil tani dilaporkan berlaku dalam kalangan petani di negeri ini pada waktu hasil campur tangan FAMA.

"Usaha FAMA berhubung perkara itu telah menyebabkan para petani dalam negeri ini tidak lagi berasa gelisah memikirkan platform serta akses terbaik untuk memasarkan hasil tani masing-masing."

"Justeru para petani yang mahu memasarkan hasil tani masing-masing hanya perlu menghubungi cawangan FAMA yang terdekat jika mereka mahu berbantuan demikian," kata beliau.

FAMA mempunyai sumber untuk membantu mereka memasarkan hasil tani seperti mengadakan aktiviti Pasar Tani dan Program My Rakyat di lokasi-lokasi terpilih dalam negeri ini. Selain menyediakan sumber ini pihak kami juga turut pergi ke ladang-ladang petani untuk mengambil dan membantu memasar hasil tani mereka seperti yang diarah oleh kementerian," kata Penolong Pengarah FAMA Sarawak, Lois Unggah.



SEGAR... Gambar menunjukkan buah nanas dan tembakai yang turut dijual pada Program My Rakyat di Riveria Sport Centre, Debak, April lepas.



INGIN TAHU... Mohammad Razi Sitam dan rombongan ketika melawat kaunter jualan pada Majlis Pelancaran Program My Rakyat di Riveria Sport Centre, Debak.

UNTUK MU... Lois Unggah menyampaikan cenderamata kepada Mohammad Razi Sitam pada Majlis Pelancaran Program My Rakyat di Riveria Sport Centre, Debak.



10 DEC, 2021

Program My Rakyat FAMA Bantu petani pasarkan hasil

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

VALENTINE NGUMBANG SEBELUM Sarawak beralih ke' Fasa 3 Pelpn Pemulihan Negara (PPN) pada awal Ogos lepas, golonga'n petani yang boleh dikatakan antara golongan yang paling terjeasteruk disebabkan oleh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum itu. Ini kerana penguatkuasaan PKP menyebabkan para petani sukar menjual hasil tani masing-masing sehingga menyebab berlaku lambakan dan seterusnya menggugat mata pencarian mereka sekeluarga.